

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2JLD.3 (93)
Tarikh : 11 Disember 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SEMAKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP (COLA) MULAI BULAN JANUARI 2020

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 yang bertarikh 13 November 2019, pelaksanaan kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup (COLA) akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2020. Kenaikan kadar COLA ini melibatkan semua Kumpulan Pelaksana.

3. Sehubungan itu, dimohon kerjasama semua PTJ untuk mengambil Laporan Penerima Bantuan Sara Hidup (COLA) dan Laporan Pulangan Balik Kwarters (kod 4548) daripada Unit Gaji, JANM Perak dengan **membawa *pen drive* masing-masing bermula pada 12 Disember 2019**. PTJ hendaklah menyemak senarai yang diberikan dengan berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 dan menghantar semula Lampiran A & Lampiran B yang telah dilampirkan jika ada perubahan **sebelum atau selewat-lewatnya pada 16 Disember 2019, jam 12.00 Tengahari**.

4. Segala kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah diharapkan supaya pelaksanaan ini dapat berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**